Pada 29 Ogos tahun lalu, kerajaan bersetuju Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori ditubuhkan untuk mengkaji secara keseluruhan dasar penghukuman bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Sementara itu, rang undang-undang bagi meminda hukuman mati mandatori dibentang Oktober tahun lalu di Dewan Rakyat selepas kerajaan memutuskan tempoh hukuman penjara setimpal sebagai alternatif kepada hukuman maksimum itu.

Pada November lalu, jemaah menteri memutuskan hukuman mati bagi 33 kesalahan di bawah lapan akta dimansuhkan, termasuk Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan membunuh.

Perkara itu diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada 13 November lalu.

Beliau berkata, keputusan dicapai secara kolektif pada 10 Oktober lalu itu turut merangkumi Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971), Akta Senjata 1960, Akta Penculikan 1961, Akta Angkatan Tentera 1972.

Turut dinyatakan ialah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Akta Dadah Berbahaya 1952.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/646794/keluarga-mangsa-gesa-kerajaan-adakan-pungutan-suara>





First Singaporean charged with funding terrorism found guilty

- **SINGAPORE**
- **Tuesday, 14 Jan 2020**
- **10:27 AM MYT**



Imran Kassim (above) was charged with transferring S\$450 through remittance company Western Union to Mohamad Alsaied Alhmidan in Turkey for his publication of ISIS propaganda.- Facebook

SINGAPORE (The Straits Times/ANN) : The first Singaporean here to be charged with terror financing was on Tuesday (Jan 14) convicted of the crime.

On Monday, Imran Kassim, a 36-year-old former logistics professional, admitted to transferring funds to support the Islamic State in Iraq and Syria (ISIS).

He had transferred S\$450 through remittance company Western Union to Mohamad Alsaied Alhmidan in Turkey for his publication of ISIS propaganda.

Under the Terrorism (Suppression of Financing) Act, introduced in 2002 to counter terrorism financing here, Imran faces prison time of not more than 10 years or a fine not exceeding S\$500,000, or face both penalties.

On an official website, the United States government lists Mohamad Alsaied as a specially designated national, and says he is linked to ISIS.

On Monday, a Singapore court heard that while Imran did admit to making the fund transfer and that he did it to benefit ISIS, he argued that he had not broken the law as he did not recognise Singapore law and only recognised Syariah law.

Mainstream Islamic scholars say Muslims are obliged to follow the laws of the land where they live, and that ISIS and its violence are a distortion of Islamic teachings.





Imran has been detained under the Internal Security Act since August 2017 and was issued a detention order for intending to take part in armed violence overseas.

While Imran was the first Singaporean here to be charged with terror financing in April last year, his conviction on Tuesday was the second such case here.

Last October, former IT professional Ahmed Hussein Abdul Kadir Sheik Uduman, 35, became the first Singaporean to be convicted of funding terrorism.

He was charged the month before and for his crime, he was sentenced to 2½ years' jail. - The Straits Times/Asia News Network.

<https://www.thestar.com.my/news/2020/01/14/first-singaporean-charged-with-funding-terrorism-found-guilty>



- **TOPICS**

Convicted Australian cardinal moved to new prison after drone incident - media

- **WORLD**

- Sunday, 12 Jan 2020

11:44 AM MYT



FILE PHOTO - Vatican Treasurer Cardinal George Pell is surrounded by Australian police as he leaves the Melbourne Magistrates Court in Australia, October 6, 2017. REUTERS/Mark Dadswell/File Picture

MELBOURNE, Jan 12 (Reuters) - Jailed Australian Cardinal George Pell, convicted over child sex





offences, was moved to another prison last week after a drone flew over the facility where he was being held, local media reported.

Pell is the most senior Catholic official worldwide imprisoned for child sex offences. The former Vatican treasurer is serving a six-year sentence for sexually assaulting two teen-aged choir boys.

"Corrections Victoria can confirm that there was an incident involving a drone flying over the Melbourne Assessment Prison on Thursday," a Department of Justice spokeswoman said on Sunday in an e-mailed statement.

She declined to comment on Pell, but said that the incident has been referred to the state police for investigation.

Local media reported Pell has been moved to a new facility following the incident. Melbourne-based newspaper The Herald Sun reported without identifying sources that Pell has been moved to a high security facility in regional Victoria.

Flying a drone within 120 metres (400 feet) of a prison or youth justice facility in Australia is illegal and carries a penalty of a maximum two years in prison, according to the Department of Justice.

Australia's High Court agreed in November to hear Pell's final appeal to overturn his conviction, with the hearing expected in March at the earliest.

(Reporting by Lidia Kelly; editing by Richard Pullin)

<https://www.thestar.com.my/news/world/2020/01/12/convicted-australian-cardinal-moved-to-new-prison-after-drone-incident---media>





- Home
- News
- Nation

5 minute read

Mohamed Hanipa wishes to see more prison inmates further their studies



Deputy Minister in the Prime Minister's Department, Mohamed Hanipa Maidin (right) said he was impressed by two inmates at the Seberang Prai Prison here who were currently pursuing their Master's degree with Universiti Sains Malaysia (USM). STR/SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL

By **Mohamed Basyir**

January 13, 2020 @ 4:18pm



SEBERANG PRAI: More prison inmates should be encouraged to further their studies until tertiary education.

Deputy Minister in the Prime Minister's Department, Mohamed Hanipa Maidin said he was impressed by two inmates at the Seberang Prai Prison here who were currently pursuing their Master's degree with Universiti Sains Malaysia (USM).

Having met them during a visit to the prison, he said this should be taken as an example for others to follow.

"Prison is not like how it used to be... a place to punish the prisoners."

"Now, prisoners can pick up new skills, learn to play musical instruments and also study," he said.

His maiden visit was to acknowledge the efforts of the two inmates, Jep, 36, and Ken 35, who are currently doing their Masters while serving jail sentences.

Jep is doing his Master of Social Science degree programme while Ken is studying for the Master of Art (Management) degree programme.





At a press conference later, Hanipa said the two inmates were prime examples of how a person could turn over a new leaf and be brave enough to enter tertiary education despite being in prison.

Asked if the Federal government had plans to initiate a programme specifically for inmates to further their education, he said he had an idea which will be included in the 'Unsung Heroes' programme, to be presented to Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamed soon.

"We can use this as a platform to acknowledge the contributions of these 'unsung heroes'," he said.

Speaking to the press, Jep said it was difficult for him to cope with the studies due to limitation of resources compared to students at the universities.

He, however, said that the facilities there were good enough, but there was still room for improvement.

"I will be released soon. So hopefully, I can further my studies at a more conducive environment.

"It is tough here but I am glad I am given the chance to further my studies," he said.

Ken, on the other hand, hopes the employers and the government can give them a second chance once they have served their term.

Ken, who was jailed on 2011, hoped that he would be accepted by the community and be able to take up jobs once he completed his studies.

"We hope the employers and government do not see us for our past. We gone through our difficult times here and regret our mistake.

"Now we want to come back to the society. Hopefully they will not judge us anymore," he said.

Also present was the prison's director Zulkifli Abd Manah.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/01/556137/mohamed-hanipa-wishes-see-more-prison-inmates-further-their-studies>





- Home
- World

3 minute read

Inmate attack on UK prison officer treated as terrorism



The inmates at Whitemoor prison who attacked an officer were finally arrested after fellow officers overpowered them.

By AFP - January 10, 2020 @ 9:55pm

LONDON: A knife attack on a British prison officer by two inmates wearing fake suicide belts is being treated as a terrorist attack, police said Friday.

Two prisoners wielding improvised bladed weapons slashed the officer's head and neck in Thursday's attack at the maximum security Whitemoor prison in eastern England.

Four other prison staff were injured as they stepped in and detained the attackers, and were taken to hospital alongside the original victim. All five officers have now been released.

One of the suspects was named by media as Brushtom Ziamani, 24, a follower of radical preacher Anjem Choudary who was convicted in 2015 of plotting to behead a British soldier.

The other suspect was reported to be a Muslim convert jailed for a violent offence.

"The matter is being treated as a terrorist attack and the investigation continues at pace," said London's Metropolitan Police, which leads on national counter-terrorism matters.

"The incident itself was quickly contained and dealt with by prison staff."

"From our enquiries thus far, there is nothing to suggest any continuing threat inside or outside of the prison system linked to yesterday's incident."





The suspects remain in prison and no arrests have been made, police said.

There has been a sharp increase in prisoners convicted of terrorism-related offences in the past few years, sparking growing concerns that other inmates may become radicalised.

The government has trained almost 20,000 staff in extremism awareness training, and employs multi-faith chaplaincy teams in all prisons.

It also opened two Separation Centres where individuals considered to pose the biggest risk are kept away from the main prison population.--AFP

<https://www.nst.com.my/world/world/2020/01/555424/inmate-attack-uk-prison-officer-treated-terrorism>



Tak setuju mansuh hukuman mati

Simpan Artikel

- MyMetro
- Mutakhir



TAN Siew (kiri) bersama suaminya, Sew Kok Wee (kanan) menunjukkan keratan akbar dan foto anaknya, Annie Kok Jin Cheng, yang mati dibunuh oleh Rambo Bentong pada 07 Mac 2009. FOTO AZHAR RAMLI

Farah Marshita Abdul Patah

farahmarshita@bh.com.my

KELUARGA Allahyarham Datuk Sosilawati Lawiya, Datuk Anthony Kevin Morais dan Annie Kok Yin Cheng menggesa kerajaan mengadakan pungutan suara di peringkat nasional atau referendum sebelum mengambil keputusan menghapuskan hukuman mati mandatori.

Menurut keluarga mangsa sekiranya hukuman mati mandatori dihapuskan maka perkara itu akan menjadi tidak adil, lebih-lebih lagi dalam kes membabitkan kematian secara sengaja.





Ibu Ying Cheng, Tan Siew Lin, 57, berkata anaknya hanya berusia 17 tahun ketika mangsa dirogol dan dibunuh Rabidin Satir atau lebih dikenali sebagai Rambo Bentong.

“Sejak kejadian yang berlaku pada 2009, saya sentiasa teringatkan dia (anak), terutama menjelang hari lahirnya, pada 6 Jun setiap tahun.

ADVERTISING

“Saya hanya akan rasa tenang sekiranya pembunuhan anak saya dikenakan hukuman gantung sampai mati,” katanya pada sidang media di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Sidang media turut disertai pengamal undang-undang antaranya Tan Sri Datuk Rober Phang, Adnan Seman dan Christine Teng.

Terdahulu lapan keluarga mangsa bersama bertemu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap Hukuman Mati Mandatori, yang dianggotai sembilan ahli termasuk Bekas Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum.

Sementara itu, peguam Christine Teng, yang mewakili keluarga mangsa, berkata penjenayah kini semakin canggih, di mana mereka mampu bersembunyi di belakang barisan peguam handalan.

Tegasnya, sekiranya kerajaan mahu menghapuskan hukuman mati mandatori, mereka terlebih dahulu perlu memperbaiki sistem perundangan negara.

“Kami mahu hukuman mati mandatori dikekalkan, terutama membabitkan kesalahan yang menyebabkan kematian dan pembunuhan dirancang.

“Keluarga mangsa hanya mahukan hukuman mati mandatori dan tidak akan menerima sebarang pampasan daripada kerajaan mahupun pesalah dalam usaha membebaskan mereka daripada tanggungjawab yang seharusnya dipikul,”

Pada 29 Ogos tahun lalu, kerajaan bersetuju supaya Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori ditubuhkan untuk mengkaji secara keseluruhan dasar penghukuman bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Sementara itu, Rang undang-undang bagi meminda hukuman mati mandatori dibentang Oktober tahun lalu di Dewan Rakyat selepas kerajaan memutuskan tempoh hukuman penjara yang setimpal sebagai alternatif kepada hukuman maksimum itu.

Pada November lalu, jemaah menteri memutuskan hukuman mati bagi 33 kesalahan di bawah 8 akta dimansuhkan, termasuk Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu untuk kesalahan membunuh.

Perkara itu diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong dalam sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada 13 November lalu.





Menurut beliau, keputusan yang dicapai secara kolektif pada 10 Oktober lalu itu turut merangkumi Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971), Akta Senjata 1960, Akta Penculikan 1961, Akta Angkatan Tentera 1972.

Turut dinyatakan ialah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 14 January 2020 @ 9:27 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/535183/tak-setuju-mansuh-hukuman-mati>



Kesal terjebak pil kuda

Simpan Artikel

- [MyMetro](#)
- [Mutakhir](#)



MOHD Hafiz (kiri) dan Eyzatul Diana (kanan) sedang mendengar kisah Ismail di Penjara Marang, hari ini. FOTO Ahmad Rabiul Zulkifli.

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

“SAYA hanya mencuba pil kuda sekali sebelum terus ketagih. Semua itu berlaku kerana terpengaruh dengan kawan,” kata Ismail, 20,

(bukan nama sebenar) salah seorang penghuni Penjara Marang.

Dia ditemui pada Kem Tahunan Sukarelawan Siswa Siswi Koreksional (SISKOR) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Penjara Marang, hari ini.

Ismail berkata, dia terjebak dengan dadah itu pada Mac tahun lalu sebelum ditahan dan dimasukkan ke Penjara Penor, Kuantan pada Ogos serta dihantar ke Penjara Marang pada awal Januari ini.

“Saya sangat menyesal dengan perbuatan itu, jika tidak mudah terpengaruh dengan ajakan rakan pasti saya tidak terjebak dan berada di penjara sekarang.





"Bagaimanapun, semua itu menjadi pengajaran dan pengalaman berguna kepada saya untuk tidak lagi terbabit dengan najis dadah.

"Cukup hanya kali ini saya meringkuk di dalam penjara dan ia cukup membebankan perasaan kerana terlalu rindukan kehidupan bersama keluarga sebelum ini," katanya.

Menurutnya, dia mempunyai baki tahanan selama tiga bulan dan ingin berkelakuan baik seterusnya segera dibebaskan pada tarikh ditetapkan iaitu pada Mac.

Katanya, dia selalu menangis kerana rindukan keluarga, namun tidak mampu berbuat apa-apa di atas ketelanjuran sendiri.

"Selepas keluar nanti saya berazam untuk tidak lagi mengambil dadah dan tidak mahu lagi berkawan dengan kawan yang terjebak dengan dadah.

"Selama ini saya tidak pernah terfikir akan ke sini (penjara) kerana bukan orang jahat, tetapi kerana tersilap langkah saya terjebak dan ditahan di sini," katanya.

Sementara itu, ahli SISKOR UniSZA, Eyzatul Diana Ahmad, 23, berkata, dia pertama kali berpeluang menyelami kisah hitam penghuni penjara.

Katanya, sebagai penuntut, banyak pengajaran diterima melalui perkongsian penghuni penjara pada program dianjurkan itu.

"Rata-rata penghuni muda terdiri daripada orang baik pada mulanya cuma tersilap langkah dan akhirnya mereka meringkuk di penjara.

"Peranan kawan antara paling penting untuk menentukan siapa kita pada hari ini, oleh itu saya akan lebih teliti dalam memilih kawan selepas ini," katanya yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Akaun di UniSZA.

Sementara itu, Penyelia SISKOR UniSZA, Mohd Hafiz Zakari Abu Bakar berkata, seramai 147 ahli SISKOR UniSZA dan 55 penghuni serta pelajar dari Sekolah Integriti Penjara Marang (SIPM) menyertai kem dianjurkan itu.

Beliau berkata, pihaknya ingin memberi pendedahan dan pengalaman kepada ahli SISKOR UniSZA dalam menangani penghuni di penjara.

"Mereka diberi peluang menyelami dan memberi semangat kepada penghuni seterusnya memupuk keyakinan diri mereka.

"Ahli SISKOR UniSZA ialah duta kecil penjara, oleh itu mereka perlu mempunyai ilmu dan pengalaman dalam menangani dan memberi kaunseling kepada penghuni penjara," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 14 January 2020 @ 2:16 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/535002/kesal-terjebak-pil-kuda>





Perasaan takut sentiasa bersarang

[Simpan Artikel](#)

- [MyMetro](#)
- [Utama](#)



ROZITA (kanan) dan Siti Salwani menjalankan tugas di Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) Kem Batu 10.

Mohd Rafi Mamat

am@hmetro.com.my

TUGAS menyelia pesalah atau Orang Di Selia (ODS) lelaki yang terbabit dengan jenayah bukan perkara mudah buat kakitangan penjara wanita.

Selain dihimpit rasa takut dan bimbang namun mereka tetap perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan baik.

Sarjan Penjara Rozita Mohd Hashim, 36, berkata, dia berdepan cabaran apabila bertugas di Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) Kem Batu 10 di sini, yang menempatkan ODS lelaki.

Menurutnya, walaupun sentiasa ditemani kakitangan lelaki namun perasaan bimbang berlaku perkara tidak diingini tetap wujud.

Katanya, tidak semua tugas dalam kawasan PRP boleh dilakukan seperti membuat pemeriksaan di bilik tahanan ODS atas aspek keselamatan.

“Di peringkat awal bertugas di PRP Kem Batu 10 tidak dinafikan timbul perasaan takut apabila berhadapan dengan ODS yang semuanya lelaki.

“Perasaan bimbang semakin berkurangan selepas 10 tahun bertugas. Bagaimanapun saya perlu sentiasa berhati-hati dan berwaspada kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku,” katanya.





ROZITA
(kanan) dan Siti Salwani
memeriksa ODS.

Rozita yang sebelum ini bertugas di Penjara Wanita Tapah, Perak berkata, tugas utama di PRP Kem Batu 10 ialah menguruskan gaji ODS, pelawat dan proses keluar dan masuk ODS.

Menurutnya, banyak kenangan tidak dapat

dilupakan antaranya apabila terdapat bekas ODS masih berhubung menggunakan media sosial menceritakan kejayaan dalam perniagaan selain berterima kasih di atas layanan diberikan.

“Sokongan suami yang sama bertugas di PRP Kem Batu 10 menambahkan lagi semangat saya untuk memberi perkhidmatan terbaik demi imej Jabatan Penjara Malaysia,” katanya.

Rakannya Koperal Siti Salwani Muhammad, 33, berkata tugas menjaga ODS lelaki memerlukan ketegasan terutama membabitkan disiplin dan kepatuhan peraturan.

“Selama lima tahun bertugas di PRP Kem Batu 10, banyak pengalaman dapat dikumpul walaupun peringkat awal ada perasaan takut namun kini ia semakin berkurangan.

“Antara kenangan apabila ada ODS yang cuba menggoda selain ada suka bergurau,” katanya yang turut ditugaskan mengawasi aktiviti menyediakan sos dan kicap.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 13 January 2020 @ 6:10 AM

<https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/534598/perasaan-takut-sentiasa-bersarang>





Gagal bayar denda, penjual ikan dipenjara

Simpan Artikel

- [MyMetro](#)
- [Mutakhir](#)



FOTO Hiasan
Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

PENJUAL ikan terpaksa meringkuk dalam penjara lapan bulan selepas gagal membayar denda dikenakan oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas kesalahan membantu

menyembunyikan wang, tahun lalu.

Terdahulu, tertuduh, Mohd Rizal A Kadir, 38, dijatuhi hukuman denda RM7,000 atau penjara lapan bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Hukuman itu dijatuhi Majistret Tan Chai Wei selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menyembunyikan wang RM26,000 yang dimasukkan oleh Tien Lan Chen, 45, ke akaun Maybank milik tertuduh.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Taman Bukit Tampin di sini, antara jam 3.20 petang hingga 3.51 petang pada 8 November 2019.

Bagi kesalahan terbabit, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 424 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun, denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fuad Ramlan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 10 January 2020 @ 9:01 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/533984/gagal-bayar-denda-penjual-ikan-dipenjara>





Lega bebas hukuman gantung

Simpan Artikel

- MyMetro
- Mutakhir



DONNY Pulaki (kiri) gembira sambil memeluk isterinya, Hamriah Hafid selepas dibebas dan dilepaskan Mahkamah Tinggi atas pertuduhan mengedar 79.6 gram dadah jenis Methamphetamine (Syabu), dua tahun lalu. FOTO Abdul Rahemang Taiming

Abdul Rahemang Taiming

am@hmetro.com.my

TIGA lelaki termasuk seorang penyelia ladang menarik nafas lega selepas Mahkamah Tinggi Tawau, hari ini melepas dan membebaskan mereka daripada tuduhan mengedar 79.6 gram dadah jenis methamphetamine (syabu) dua tahun lalu.

Hakim Datuk Lee Heng Cheong membuat keputusan itu selepas tertuduh Donny Pulaki, 36, Bin Uman, 36, dan Iskandar Abd Rahman, 41, didapati tidak bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Terdahulu, dalam penghakimannya, Lee berkata, pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie di akhir pendakwaan.

Katanya, berdasarkan keterangan saksi, pihak pendakwaan gagal membuktikan ketiga-tiga tertuduh mempunyai kawalan dan atau milikan terhadap barang kes iaitu dadah yang ditemui di bonet kereta yang dipandu oleh tertuduh pertama (Donny).

Mengikut pertuduhan pindaan, ketiga-tiga mereka dituduh secara bersama mengedar dadah jenis Methamphetamine seberat 79.6 gram pada 1 Mac 2017 kira-kira jam 3.30 petang kawasan Pasaraya Suka Ramai, Batu 2, Jalan Apas, Tawau.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati mandatori.

Enam saksi dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan itu.





Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Syarifuddin Abdul Rasa manakala tertuduh diwakili peguam masing-masing iaitu Abdul Ghani Zelika, Hamid Hamzah dan Mohd Fadzullah Zainal Abidin.

Sementara itu, ketika ditemui di luar mahkamah, Dony yang juga bekas penyelia sebuah ladang, tersenyum dan bersalaman dengan peguam serta ahli keluarganya.

“Tiada ungkapan yang boleh menggambarkan perasaan gembira apabila dibebaskan hari ini selain bersyukur kepada Allah SWT kerana selama ditahan dalam penjara, saya hanya memikirkan keadaan keluarga.

“Ketika ditahan, isteri sedang mengandung tiga bulan dan saya tidak pernah putus harapan selain berdoa semoga kes ini berjalan lancar dan mendapat keadilan,” katanya yang tidak sabar mahu bertemu anak bongsunya yang kini berumur dua tahun.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 8 January 2020 @ 8:14 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/533369/lega-bebas-hukuman-gantung>



Berdepan hukuman mati kali ni...

Simpan Artikel

- [MyMetro](#)
- [Mutakhir](#)



DADAH dirampas daripada seorang penoreh getah di Gemas, Sabtu lalu. FOTO Abnor Hamizam Abd Manap.

Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

PERNAH beberapa kali menjalani hukuman penjara dan rawatan pemulihan.

Malangnya semua itu tidak menginsafkan lelaki berusia 49 tahun yang masih meneruskan kegiatan mengedor dadah.

Terbaru, lelaki yang bekerja sebagai penoreh getah itu bakal berdepan hukuman gantung sampai mati jika disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.





Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendant Ramli Kasa berkata, suspek yang mempunyai 13 rekod lampau jenayah dan dadah ditahan di Gemas, Negeri Sembilan pada Sabtu lalu.

Menurutnya, suspek ditahan ketika sedang menjalankan urusan jual beli dadah bersama seorang lelaki yang turut menjadi buruan polis.

“Pada awalnya, lelaki itu cuba melarikan diri namun gagal dan diberkas. Pemeriksaan polis menemui 21 peket plastik lutsinar berisi dadah heroin seberat 28.40 gram.

“Siasatan mendapati, suspek mendapatkan bekalan dadah dari Krubong, Melaka dan bergiat aktif sejak sebulan lalu di sekitar kawasan FELDA Sungai Kelamah dan FELDA Bukit Jalor.

“Bekalan dadah dirampas itu mampu menampung kegunaan lebih 30 penagih,” katanya.

Ramli berkata polis turut menyita sebuah motosikal Yamaha LC 135 milik suspek mengikut Seksyen 4 Akta Perlucutakkan Harta 1988.

Beliau berkata, selain berdepan hukuman gantung sampai mati, suspek turut berdepan dengan hukuman penjara seumur hidup serta 15 sebatan.

Katanya, suspek direman selama enam hari bermula semalam sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 7 January 2020 @ 2:15 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/532850/berdepan-hukuman-mati-kali-ni>



Tiada langsung rasa keinsafan

Simpan Artikel

- [MyMetro](#)
- [Mutakhir](#)



GAMBAR HIASAN

Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

PERNAH menjalani hukuman penjara selama 15 tahun masih tidak menginsafkan seorang lelaki yang terus mengulangi jenayah sama sebaik dibebaskan dari penjara pada Mei tahun lalu.





Lelaki berusia lingkungan 50-an itu dikesan giat melakukan aktiviti samun dan curi selain terbabit dalam kes penyalahgunaan dadah.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendant Ramli Kasa berkata, dalam kejadian terbaru, suspek turut menyamun seorang wanita yang sarat mengandung di sebuah premis ArRahnu di Gemencheh, Negeri Sembilan, pada jam 10.09 pagi, 3 Januari lalu.

Katanya, suspek menyamun mangsa yang sedang berurusan di kaunter dengan dengan bertindak menarik beg dibawa mangsa.

"Suspek ketika itu masuk ke premis berkenaan bagi memajak sebentuk cincin sebelum mengacukan pisau ke arah mangsa.

"Polis segera menuuhkan satu pasukan khas bagi memburu suspek yang pernah berkhidmat sebagai anggota tentera itu," katanya.

Ramli berkata, suspek akhirnya dikesan berada di Gemencheh sebelum berjaya diberkas di Gemas ketika sedang membeli dadah daripada seorang lelaki Sabtu lalu.

"Semakan mendapati suspek mempunyai 15 rekod jenayah lampau termasuk narkotik dari tahun 1993.

"Ujian air kencing mendapati suspek positif morfin. Kes disiasat mengikut Seksyen 392/397 Kanun Keseksaan dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 6 January 2020 @ 5:01 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/532611/tiada-langsung-rasa-keinsafan>



10 banduan maut rusuhan penjara

Simpan Artikel

- MyMetro
- Global



GAMBAR hiasan

AFP

CARACAS: Sekurang-kurangnya 10 banduan terbunu dalam pergaduhan di sebuah penjara di Venezuela semalam.



NEWS UPDATES 2020



Empat bom tangan diletupkan dalam pergaduhan yang bermula pada petang di negeri Zulia, kata kumpulan hak asasi manusia Una Ventana a la Libertad.

Setakat ini, pihak berkuasa belum mendedahkan jumlah kematian.

Menurut Una Ventana a la Libertad, banduan turut membakar salah satu bahagian di kemudahan itu.

Pertubuhan itu berkata penduduk tempatan terdengar bunyi letupan disusuli tembakan pada lewat malam dan keganasan berterusan sepanjang malam.

Susulan itu, Gabenor Zulia, Omar Prieto merancang untuk menutup pusat tahanan berkenaan.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 1 January 2020 @ 11:16 AM

<https://www.hmetro.com.my/global/2020/01/530901/10-banduan-maut-rusuhan-penjara>





Banduan berjaya sambung pengajian ibarat 'wira tidak didendang' - Mohamed Hanipa

Tarikh kemaskini: 13/01/2020



NIBONG TEBAL, 13 Jan -- Banduan yang mengikuti pengajian di peringkat tertinggi dan berjaya menamatkannya ketika berada di sebalik tembok besi disifatkan sebagai 'wira tidak didendang', kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mohamed Hanipa Maidin.

Beliau berkata pencapaian mereka dalam bidang akademik seharusnya

menjadi contoh kepada masyarakat kerana berada di sebalik tembok besi dan status sebagai banduan bukan halangan untuk mencapai kejayaan.

Berikutan itu, katanya bagi menyampaikan mesej dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kejayaan wira yang tidak didendang itu, pihaknya merancang untuk menerbitkan sebuah buku bertajuk 'Unsung Heroes'.

"Buku ini bukan sahaja memberi fokus kepada pencapaian positif banduan, malah semua individu yang berjaya dalam profesi masing-masing yang menyumbangkan sesuatu yang positif kepada masyarakat.

"Bagaimanapun, saya akan usulkan kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terlebih dahulu. Saya akan memberi penerangan yang lebih lanjut mengenai penerbitan naskah ini dan beranggapan perdana menteri tidak keberatan (berhubung cadangan itu)," katanya pada sidang media selepas menyerahkan plak penghargaan kepada dua banduan yang sedang mengikuti pengajian pasca siswazah Universiti Sains Malaysia (USM) di Penjara Seberang Perai, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Mohamed Hanipa menyerahkan plak penghargaan kepada Jep, 37, dan Ken, 35, yang kini sedang mengikuti pengajian pasca siswazah USM masing-masing dalam jurusan Sarjana Sains Kemasyarakatan (Kriminologi) dan Sarjana Sastera (Pengurusan).





Mereka sebelum ini bersama-sama menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda ketika menjalani hukuman di Penjara Kajang.

Mohamed Hanipa turut menyeru lebih ramai banduan yang sedang menghabiskan masa tahanan untuk tempoh yang lama agar memanfaatkan peluang yang ada dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan selepas bebas kelak.

Sementara itu, Jep yang bakal dibebaskan pada Mac ini berkata walaupun berdepan kekangan sumber rujukan dan penggunaan internet, ia tidak mematahkan semangatnya untuk melengkapkan tesisnya yang bertajuk 'Peranan Program Pengajian Tinggi Terhadap Pemulihan Banduan (Dari Perspektif Banduan).

"Bagi saya sokongan keluarga amat penting untuk bekas banduan memulakan kehidupan setelah terpenjara di balik tirai besi sejak sekian lama. Saya amat bersyukur memiliki keluarga yang begitu menyokong termasuk tunang saya yang sedang menunggu saya sejak lapan tahun lepas," katanya yang menjalani hukuman di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan sejak tahun 2012.

Bagi Ken pula, peluang melanjutkan pelajaran ketika berada di penjara seolah-olah memberi sinar baharu kepadanya malah dia tidak sabar untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dan berhasrat menyertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) apabila dibebaskan pada 2021.

"Semasa masuk ke sini memang sedih, tapi disebabkan pihak penjara banyak memberi semangat dan dorongan untuk melanjutkan pelajaran ia seolah-olah memberi sinar baharu kepada saya. Apa yang dipelajari di sebalik tirai besi akan saya guna di dunia luar untuk sama-sama bersaing secara sihat," katanya yang menjalani hukuman di bawah Seksyen 304 Kanun Keseksaan sejak 2011.

-- BERNAMA

<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1806448>

